

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENETAPAN SEKURITI DAN SEKURITI ISLAM)(NOTA PELABURAN DAN NOTA PELABURAN ISLAM)(PINDAAN) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas your Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti dan Sekuriti Islam)(Nota Pelaburan dan Nota Pelaburan Islam)(Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 22 Disember 2017.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti dan Sekuriti Islam)(Nota Pelaburan dan Nota Pelaburan Islam) 2016 [*P.U.(A) 126/2016*] dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan subsubperenggan (*d*) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(d) penyata, buku akaun atau dokumen lain yang menunjukkan apa-apa baki dalam—

(i) akaun semasa, deposit atau simpanan; atau

(ii) akaun pelaburan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];”.

Dibuat 12 Disember 2017

[ KK/SID/P/(S)483/669/4 JLD.2 (SK.9); PN(PU2)662/XIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
*Menteri Kewangan Kedua*

